

SIMPOSIUM WAKAF PULAU PINANG

Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Negeri Pulau Pinang merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat berbesar hati merasmikan "Simposium Wakaf Pulau Pinang 2018" di The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang yang telah diadakan pada 29 September 2018.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta YBhg. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Program yang julung kali diadakan ini telah menghimpunkan peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan institusi agama Islam Negeri Pulau Pinang, agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, wakil dari institusi perbankan, Institusi Pengajian Tinggi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), para pemaju Bumiputera serta orang ramai untuk memastikan pengisian simposium ini dapat disalurkan ke semua peringkat masyarakat.





Acara gotong royong, tazkirah dan penyampaian sumbangan diadakan di Masjid Hashim Yahaya

Pada 18 November 2018, telah diadakan program 'Jom Cuci Masjid' siri ke 30 anjuran Jabatan Operasi Teknikal, Media Prima Berhad bertempat di Masjid Jamek Hashim Yahaya.

Antara program yang menarik ialah tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Hanafiah Abdul Malek dan Ustaz Shaffi Yusuf Ghani di perkarangan tanah perkuburan Jalan Perak.

Turut diselitkan penyampaian beras, minyak masak serta kit jenazah kepada asnaf-asnaf dan beberapa masjid yang terlibat .



Kontinjen dari pelbagai jabatan yang menyertai acara pergerakan sempena sambutan Maulidur Rasul 1440H

MAJLIS PERGERAKAN MAULIDUR RASUL 1440H

Seramai 39 orang warga MAINPP telah menyertai pergerakan sempena sambutan Maulidur Rasul 1440H yang bermula dari Sekolah Maahad Al Mashoor Al Islami dan berakhir di Politeknik Balik Pulau. Tema sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini adalah “Menyantuni Umat Membawa Rahmat”.

LAWATAN KERJA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISITIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK) KE MAINPP



Sesi taklimat, penyampaian cenderamata dan bergambar antara pegawai serta kakitangan


Terima kasih kepada delegasi dari Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) ke Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) kerana sudi memilih MAINPP untuk sesi lawatan kerja. Berlangsung selama tiga jam lebih, lawatan dari delegasi MAIK ini diketuai oleh Encik Rusydee bin Abdullah, Setiausaha MAIK, Pn. Shakirah binti Mohamed, Pegawai Wakaf dan pegawai serta kakitangan lain. Dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Tuan Haji Shamsul bin Abd Rani, Pengurus Baitulmal MAINPP dan diteruskan dengan taklimat berkaitan pengurusan wakaf serta pengurusan projek-projek pembangunan hartanah wakaf.

PROJEK-PROJEK MAINPP YANG TELAH DIBANGUNKAN DI ATAS TANAH WAKAF



PANGSAPURI ALIMSAH WALEY

Terdiri dari 56 unit kediaman yang terletak di lot 1056 Sek.18 Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut (Lebuh Chulia), Pulau Pinang.



PANGSAPURI WAKAF KHAN MOHAMED

Pangsapuri Wakaf Khan Mohamed terletak di lot 1611, Seksyen 9 W, Georgetown, Daerah Timur Laut. Terdiri dari 1 blok pangsapuri yang mempunyai 32 unit kediaman. Siap dibina pada tahun 2006.



PEMBANGUNAN TANAH WAKAF SEETEE AISAH

Pembangunan Tanah Wakaf Seete Aisah, di atas lot 1444, Mukim 4, Seberang Jaya (Seberang Perai Tengah). Projek ini adalah pembangunan secara usahasama diantara MAINPP dan Uda Land (North) Sdn. Bhd. Keluasan tanah adalah 9.86 ekar dan terletak di Bandar Seberang Jaya.



WAKAF MOHAMED HASHIM

Pangsapuri 68 unit berkeluasan 1100 kaki persegi yang mempunyai pelbagai kemudahan seperti taman permainan, kolam renang, dewan, surau dan lain-lain lagi terletak di lot 192 Mukim 1, Seberang Perai Tengah (Seberang Jaya).



PANGSAPURI WAKAF SITI DAN HAJJAH NORIJAH, SUNGAI NIBONG

Pangsapuri 77 unit yang terletak di Lot 1094, Mukim 12 Daerah Barat Daya (Sungai Nibong), Pulau Pinang.

KOMPLEKS WARGA EMAS



Terletak di kawasan Seberang Perai Utara, Pongsu Seribu dan dibina di atas tanah seluas 8 ekar, Kompleks Warga Emas Darul Hanan boleh menampung seramai 200 orang warga emas. Ia telah mula beroperasi sepenuhnya mulai 1 Februari 2010. Kompleks ini dibina dengan pembiayaan oleh Yayasan Al-Bukhary untuk penempatan dan penjagaan warga emas Islam termasuk lelaki dan wanita dengan menerapkan nilai-nilai Islam sepanjang berada di pusat jagaan ini. Pusat jagaan warga emas Islam ini dilengkapi dengan bangunan asrama, perpustakaan, kafeteria, surau, dewan serbaguna dan bengkel. Menurut Pengurus Darul Hanan, Puan Siti Sarah Binti Yahaya, sehingga kini, penghuni asrama telah mencecah seramai 70 orang. Selain perkhidmatan percuma yang diberikan kepada penghuni yang kurang berkemampuan (asnaf zakat), Darul Hanan juga menawarkan perkhidmatan berbayar seperti berikut:

Jagaan Bulanan : RM800

Jagaan Harian : RM350 Isnin-Jumaat

Jagaan Sementara : contoh untuk urusan haji, umrah dan kursus (harga dikurangkan jika melebihi seminggu)

Kompleks ini juga menjadi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi Daerah Seberang Perai Utara dan menerima bantuan geran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Merupakan kompleks pusat jagaan warga emas Islam yang pertama di Pulau Pinang ini, diharapkan kompleks ini dapat dijadikan inspirasi kepada pihak NGO mahupun kerajaan untuk bersama-sama membela nasib warga emas di Pulau Pinang.



Puan Siti Sarah, Pengurus Kompleks Darul Hanan bersama salah seorang penghuni.



Warga Emas Darul Hanan sedang melakukan aktiviti beramai-ramai

Sekitar Temuduga Pemohon Pangsapuri Wakaf Siti & Hajah Norijah, Sungai Nibong



Temuduga bagi pemohon Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajah Norijah diadakan pada 27 November 2018 hingga 29 November 2018 di Masjid Negeri Pulau Pinang.

SENARAI KAUNTER PERKHIDMATAN ZAKAT PULAU PINANG

1. NO. 81, TINGKAT PERSIARAN MAHSURI, 1/3 SUNWAY TUNAS, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG (No. Telefon : 04 6469981)
2. NO. 2102, WISMA SYEIKH ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS (No. Telefon : 04 5783300)
3. NO. 34 LEBUH BUCKINGHAM, GEORGETOWN, 10200 PULAU PINANG (No. Telefon: 04 2501000)
4. NO. 40, JALAN JAWI JAYA 1, TAMAN JAWI JAYA, 14300 NIBONG TEBAL (No. Telefon: 04 5833088)
5. NO. 65, JALAN SELAT, TAMAN SELAT, 12000 BUTTERWORTH (No. Telefon : 04 3313666)
6. D/A MASJID DAERAH BARAT DAYA, SIMPANG EMPAT, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG (No. Telefon: 04 8660299)
7. D/A MASJID NEGERI PULAU PINANG, JALAN AYER ITAM, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG (No. Telefon: 04 8277488)

Waktu operasi :

Isnin - Khamis : 8:00 pagi - 4:15 petang (Rehat 1:00 petang - 2:00 petang)

Jumaat : 8:00 pagi - 4:15 petang (Rehat 12:30 tengah hari - 2:45 petang)


Sabtu dan Ahad : Tutup

* Waktu tutup bagi kaunter perkhidmatan zakat di Masjid Negeri Pulau Pinang adalah pada jam 4:00 petang


TAHUKAH ANDA?

Syarikat Wakaf Pulau Pinang merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang telah beroperasi pada 8 Januari 2018. Sebarang urusan yang berkaitan dengan kutipan sewaan premis, kutipan dana wakaf dan hal yang berkaitan dengan urusan wakaf di Pulau Pinang.




Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd
No 2& No 4, Kampung Kaka,
10200 Georgetown, Pulau Pinang
No. Tel : 04-251 9917 / 04-251 9720








PROSEDUR PENYERTAAN WAKAF MELALUI JomPAY







Manfaat JomPAY kepada Pewakaf

-  **MUDAH**
Berwakaf di WPPSB pada bila-bila masa & di mana sahaja dengan perbankan Internet & Telefon Mudah Alih
-  **CEPAT**
Berwakaf dengan pantas & selamat
-  **PERCUMA**
Berwakaf dengan menggunakan JomPAY hari ini. PERCUMA untuk pewakaf.



Langkah 1	Log masuk ke Perbankan internet & cari menu JomPAY 
Langkah 2	Masukkan Biller Code : 81679 dan jumlah sumbangan 
Langkah 3	Masukkan Ref -1 : Nama Ref -2 : No Kad Pengenalan / No Telefon 
Langkah 4	WPPSB akan mengeluarkan resit sumbangan dana wakaf kepada pewakaf 

HUBUNGI:
 04-251 9917 / 9720  wakafppsb@gmail.com
 Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd  wakafpulaupinang.my

BAHAGIAN PEMASARAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK WAKAF PULAU PINANG

SALURAN SUMBANGAN DANA WAKAF

MELALUI SALURAN JOM PAY
BILLER CODE : 81679



MELALUI TRANSAKSI PEMINDAHAN BANK, IBG & IBFT
(BIMB: 07025010037366)
MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG



MELALUI POTONGAN GAJI BULANAN SERENDAH RM 5



MELALUI KUTIPAN WANG TUNAI SERENDAH RM 5





HUBUNGI : 04-251 9917 / 9720

BAHAGIAN PEMASARAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK WAKAF PULAU PINANG